# BAB TIGA

# TAKHRIJ ḤADĪTH

# BAB TIGA

## TAKHRIJ ḤADĪTH-HADĪTH RIWAYAT ABŪ AYYŪB AL-ANṢĀRI

Takhrij ḥadīth salah satu bidang yang penting untuk kita ketahui. Meneruskannya, kita dapat membuat beberapa kajian mengenai sesuatu ḥadīth samada ianya sahih atau sebaliknya. Di samping itu juga, kita dapat mengetahui dengan jelas nama-nama perawi yang meriwayatkan sesebuah hadith secara langsung dari Rasūlullāh (s.a.w).

### 3.1. Pengertian Dan Tujuan Takhrij.

Dari segi bahasa takhrij diambil dari perkataan ( خرج ) yang bermaksud terang dan nyata.[93] Apabila telah nyata kecerdikan seseorang itu ianya boleh memutuskan sesuatu masalah.[94] Ia juga diertikan dengan makna istinbat.[95]

Dari segi istilah pula. para ulama berpendapat, takhrij bermaksud ḥadīth itu dikeluarkan oleh sifulan, iaitu menyebut penyusunan ḥadīth bersama sanad-sanadnya di dalam kitab.

---

93 Ibrahim Mustafa dkk, op. cit, h. 223.

94 Ibn Manzūr, Lisān al-Arab, (Beirut: Dār al-Sādir, 1955 ),h.250

95 Ibid, h. 251.

Dari pengertian ini, dapatlah disimpulkan, takhrij bermaksud mengeluarkan hadith dari kitabnya yang asal dan menjelaskan kepada kita punca-punca pengambilan hadith yang sebenarnya. Di samping itu juga, takhrij dapat menerangkan kepada kita nama-nama perawi yang meriwayatkan hadith yang diambil dari Rasulullah (s.a.w). Takhrij juga bertujuan untuk mengetahui sumber-sumber sesebuah hadith dan keadaannya samada ianya diterima atau sebaliknya.

## 3.2. Faedah Takhrij.

Takhrij hadith mempunyai banyak faedah. Di antara faedahnya yang penting ialah, kita dapat mengetahui punca sebenar sesebuah hadith. Ini kerana, seseorang pengkaji dapat mengenal orang yang mengeluarkan hadith dan kedudukannya di dalam kitabnya yang asli. Menerusinya juga, kita dapat mengumpul sejumlah besar sanad-sanad hadith di dalam sebuah kitab yang khusus dan juga dapat mengetahui keadaan sanad mengikut susunan dan turutan. Dengan ini, kita dapat memastikan kecacatan yang ada di dalamnya.

Di samping itu juga, menerusi takhrij hadith kita dapat memastikan hadith itu samada ianya sahih atau pun sebaliknya dan juga kita dapat menentukan samada sanadnya terputus atau pun tidak. Bidang takhrij juga dapat meninggikan mutu sesebuah hadith kadang-kadang terdapat hadith daif dalam sesebuah riwayat. Dengan

takhrij kita memperolehi tanda-tanda untuk menguatkannya.

Takhrij juga membolehkan kita membezakan kecualian yang ada pada perawi. Kita juga dapat mengetahui pendapat Imam-Imam ḥadīth dalam mengeluarkan hukum-hukum sesebuah ḥadīth samada ia nya sahih atau sebaliknya. Kesamaran dalam sesebuah hadīth dapat ditentukan melalui takhrij kerana adanya perawi yang tidak dikenali dalam meriwayatkan sesebuah ḥadīth. Contohnya عن فلان atau pun من رجال.

Percampuran dalam riwayat sesebuah ḥadīth juga dapat diketahui melalui takhrij kerana kadang-kadang terdapat dalam sesebuah ḥadīth perawinya tidak dinyatakan gelarannya. Di samping itu juga, pertambahan dalm riwayat ḥadīth dapat diketahui dengan jelas. Ada juga ḥadīth yang tidak sempurna untuk diambil hukum yang jelas daripadanya.

Terdapat juga dalam sesebuah ḥadīth makna yang asing dan tidak jelas untuk kita ketahui . Takhrij dapat menghilangkan hukum-hukum yang cacat. Kadang-kadang terdapat pertentangan perawi dalam sesebuah lafaz ḥadīth. Menerusinya, kita dapat membezakan pertentangan di antara perawi-perawi hadīth mengenai matan ḥadīth. Di dalam sesebuah ḥadīth terdapat juga perawi yang terlupa sebahagian dari matan hadīth. Menerusi takhrij kita dapat memastikan apa yang terlupa oleh seseorang perawi

hadith.

Kesalahan yang ada pada perawi dapat dibongkar menerusi bidang takhrij dan kita dapat mengetahui sesebuah hadith dengan secara lafaz. Ini kerana terdapat juga perawi hadith yang meriwayatkan sesebuah hadith dengan secara makna. Takhrij juga dapat menerangkan kepada kita waktu dan tempat berlakunya peristiwa sesebuah hadith. Mutu sesebuah hadith dapat diterangkan melalui takhrij kerana ianya bergantung kepada bilangan ramai atau kurangnya perawi yang meriwayatkannya. Kesalahan dalam penulisan samada dalam sanad atau pun dalam matan hadith dapat diketahui.

Takhrij juga dapat menghilangkan urutan sanad yang disembunyikan oleh seseorang perawi selepasnya. Ini terjadi, bila salah seseorang perawi yang menyembunyikan sanad sebelumnya yang mana ini menyebabkab terputusnya sanad. Dengan takhrij kita dapat pastikan urutan sanad yang disembunyikan oleh seseorang perawi.

3.3. Kaedah Mentakhrij Hadith-Hadith Riwayat Abu Ayyub.

Bagi mentakhrij hadith-hadith riwayat Abu Ayyub al-Ansari, penulis telah menggunakan beberapa kaedah yang penting yang terdapat di dalam beberapa buah buku sebagai bahan rujukan. Antara

penulis telah menggunakan buku ذخائر المواريث [96] dan kitab sunan sittah[97] sebagai sumber rujukan yang utama.

Buku ذخائر المواريث dijadikan sumber rujukan yang utama kerana ia merupakan satu-satunya kitab yang menyusun ḥadīth berpandukan kepada rawi. Hingga setakat ini sepanjang yang diketahui tidak ada kitab yang paling mudah dirujuk ḥadīth-ḥadīth secara terperinci. Justru kerana itulah, penulis telah menggunakan kitab ذخائر المواريث bagi mendapatkan himpunan ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Ayyūb al-Anṣārī.

Penulis juga menggunakan kitab sunan sittah bagi mendapatkan rujukan ḥadīth pada tempat yang asal. Dalam rujukan pada kitab sunan sittah beberapa perkara terpaksa dilakukan di mana penulis banyak menemui ḥadīth-ḥadīth yang berbeza susunan matan antara satu sama lain. Sebagai contohnya, ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Ayyūb dalam kitab Bukhārī dengan matannya :-

اخبرني بعمل يدخلني الجنة قال ماله ماله وقال النبي
صلى الله عليه وسلم ارب ماله تعبد الله ولا تشرك به
شيئا وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصل الرحم .

---

96 Huraian lanjut mengenai (ذخائر المواريث) dan riwayat hidup pengarang nya, sila lihat dalam Lampiran A ,

97 Huraian lanjut mengenai sunan sittah dan riwayat hidup pengarang nya sila lihat dalam Lampiran B.

Di dalam Kitab Muslim pula matannya berlainan dari yang ada dalam kitab Bukhari contohnya:-

يا رسول الله او يا محمد! اخبرني بما يقربني من الجنة وما يباعدني من النار قال فكف النبي صلى الله عليه وسلم. ثم نظر في اصحابه. ثم قال "لقد وفق او لقد هدي" قال "كيف قلت؟" قال فاعاد فقال النبي صلى الله عليه وسلم. تعبد الله لا تشرك به شيئا وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصل الرحم دع الناقة

3.4. <u>Takhrij Hadith</u>.

1. من جاء يعبد الله لا يشرك به شيئا

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitabnya <u>Sunan Nasai</u> , dalam kitab المحاربة.[93]

2. غزونا نريد القسطنطينية

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dalam kitabnya <u>Sunan Abu Dawud</u> , dalam kitab الجهاد , Bab ولا تلقوا بايديكم الى التهلكة 3: 12-13 , dari Ahmad Ibn 'Amru.

Imam Tirmidhi juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya <u>Sunan Tirmidhi</u> dalam kitab تفسير القرآن , Bab من سورة البقرة 5:212 , dari 'Abd Ibn Hamid.

---

93 Setakat ini penulis belum menemui hadith tersebut kerana tidak terdapat kitab yang dinyatakan.

3. رأيت النبي صلى الله عليه وسلم
في السماء وأبوابه في العلو

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim . dalam Kitab الأشربة , Bab إباحة أكل الثوم وأنه ينبغي لمن أراد خطاب الكبار تركه وكذا ما في معناه 2: 1623-1624, dari Ḥajjāj Ibn al-Shaʿir dan Ahmad Ibn Saʿid.

4. اسمع صوتا فقال اليهود تعذب في قبورها

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri dalam kitabnya Sahih Bukhāri , dalam Kitab الجنائز , Bab التعوذ من عذاب القبر , 1:123-124, dari Muhammad Ibn Muthanna.

Imam Muslim juga meriwayatkan dalam kitabnya Sahih Muslim dalam Kitab الجنة وصفة نعيمها وأهلها , Bab التعوذ من عذاب القبر 3:2200, Bil. H. 2869, dari Abi Bakr.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Nasāi, dalam Kitab الجنائز , Bab التعوذ من عذاب القبر 4:102 , dari Ubaydullāh Ibn Saʿid.

5. كان إذا أتي بطعام وأكل منه بعث بفضله إلي

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab الأشربة , Bab إباحة أكل الثوم فإنه ينبغي لمن أراد خطاب الكبار تركه وكذا ما في معناه 2:1623, Bil. H. 2053, dari Abi Musa dan Muhammad Ibn Bashar.

6. والله ما أدري ما أصنع لهذه الكرابيس

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya Sunan Nasāi , dalam Kitab الطهارة , Bab النهي عن استقبال القبلة عند 1:22, dari Muhammad Ibn Salmah dan Harith Ibn Miskin.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muwatta' Mālik dalam kitabnya Muwatta' dalam Kitab القبلة, Bab النهي عن استقبال القبلة والانسان على حاجة 1:193 dari Ishaq Ibn ʿAbd ʿAllah dan Ibn Abi Talhah.

7. الصلوات الخمسة والجمعة إلى الجمعة

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab الطهارة وسننها , Bab تحت كل شعرة جنابة 1:196, dari Hisham Ibn ʿAmmar.

8. من توضأ كما أمر وصلى كما أمر

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya Sunan Nasāi,dalam Kitab الطهارة , Bab ثواب من توضأ كما أمر 1:90-91, dari Qutaybah.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab الطهارة , Bab ثواب من توضأ كما أمر

1: 156 , dari Muhammad Ibn Ramah.

9. في غسل المحرم رأسه

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari , dalam Kitab الحج , Bab إغتسال المحرم 1:215, dari 'Abd 'Allah Ibn Yusuf.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab nya Sahih Muslim dalam Kitab الحج , Bab جواز غسل المحرم بدنه ورأسه 2:864, Bil.H.1205, dari Qutaybah, Abi Bakr Ibn Abi Shibah, 'Amru, Naqid dan Zuhayr Ibn Harb.

Imam Abu Dawud dalam kitabnya Sunan Abu Dawud , dalam Kitab الحج , Bab المحرم يغتسل 2:168-169, dari 'Abd 'Allah Ibn Maslamah.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitab nya Sunan Nasai , dalam Kitab الحج , Bab غسل المحرم 5:98 dari Qutaybah .

Imam Ibn Majah pula meriwayatkan dalam kitabnya Sunan Ibn Majah , dalam Kitab المناسك , Bab المحرم يغسل رأسه 2:978-979, dari Abi Mas'ab Ahmad Ibn Abi Bakr.

Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Muwatta' dalam kitabnya Muwatta', dalam Kitab الحج , Bab غسل المحرم 1:323 , dari Zayd Ibn ʿAslam.

10. توضأ مما غيرت النار

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya Sunan Nasāi , dalam Kitab الطهارة , Bab الوضوء مما غيرت النار 1:206 , dari ʿAmru Ibn ʿAli dan Muhammad Ibn Bashar.

11. جمع المغرب والعشاء بالمزدلفة

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri dalam kitabnya Sahih Bukhāri , dalam Kitab الحج , Bab من جمع بينهما ولم يتطوع 1:177 dari Khalid Ibn Mukhallad dan Qaʿni.

Imam Muslim pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab الحج , Bab الإفاضة من عرفات إلى المزدلفة 2:937, dil.H. 1287, dari Yahya Ibn Yahya , Qutaybah dan Muhammad Ibn Ramah.

Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya Sunan Nasāi, dalam Kitab الحج , Bab الجمع بين الصلاتين بالمزدلفة 5:209 dari Qutaybah dan Yahya Ibn Habib Ibn ʿArabi.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitab nya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab المناسك , Bab الجمع بين الصلاتين بجمع 2:1005, dari Muhammad Ibn Ramah.

Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Muwatta' Mālik dalam kitabnya Muwatta', dalam Kitab الحج , Bab الجمع بين الصلاتين بجمع 1:401, dari ʿAdi Ibn Thabit.

12. غدوة وروحة في سبيل الله

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab الإمارة , Bab فضل الغدوة والروحة في سبيل الله 3:1500, Bil.H. 1883, dari Abi Bakr Ibn Abi Shibah, Ishaq Ibn Ibrahim dan Zuhayr Ibn Harb.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Nasāi , dalam Kitab الجهاد , Bab فضل الروحة في سبيل الله 6:14, dari Muhammad Ibn ʿAbd ʿAllah Ibn Yazid.

13. كان إذا أكل أو شرب قال الحمد لله

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitab nya Sunan Abū Dawūd , dalam Kitab الأطعمة , Bab ما يقول الرجل إذا طعم 3:366, dari Ahmad Ibn Salāh .

14. من فرق بين والدة وولدها

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya <u>Sunan Tirmidhi</u> ,dalam Kitab البيوع , Bab ما جاء في كراهية أن يفرق بين الأخوين أو بين الوالدة وولدها في البيع , 2:376, dari Umar Ibn Hafas.

15. الماء من الماء

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya <u>Sunan Nasāi</u>, dalam Kitab الطهارة , Bab الذي يحتلم ولا يرى الماء 1:115, dari ʻAbd al-Jabbār Ibn al-ʻUla.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya <u>Sunan Ibn Mājah</u>, dalam Kitab الطهارة وسننها , Bab الماء من الماء 1: 199, dari Muḥammad Ibn Sabah.

16. من مس فرجه فليتوضأ

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Ibnu Mājah dalam kitabnya <u>Sunan Ibnu Mājah</u> , dalam Kitab الطهارة وسننها , Bab الوضوء من مس الذكر 1:162, dari Sufian Ibn Waqiʻ.

17. من قال لا إله إلا الله وحده لا شريك له

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri dalam kitabnya <u>Sahih Bukhāri</u> , dalam Kitab الدعوات , Bab فضل التهليل 3:167 ,

dari ʿAbd ʿAllah Ibn Muhammad.

Imam Muslim juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sahih Muslim, dalam Kitab الذكر والدعاء والتوبة والاستغفار, Bab فضل التهليل والتسبيح والدعاء 4:2071, Bil.H. 2693, dari Abū Ayyūb Sulaymān Ibn ʿUbaydullāh.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab الدعوات, Bab ما جاء في فضل التوبة والاستغفار وما ذكر من رحمة الله لعباده, 5:215, dari Musa Ibn ʿAbd al-Rahmān al-Kufi.

18. اذا عطس احدكم فليقل الحمد لله

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab الأدب, Bab ما جاء كيف يشمت العاطس 4:178, dari Mahmud Ibn Ghaylan.

19. كانت له سهوة فيها تمر

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab فضائل القرآن, Bab ما جاء في سورة البقرة وآية الكرسي [illegible]2, dari Muhammad Ibn Bashar.

20. نهى عن قتل الصبر

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitab nya Sunan Abū Dawūd , dalam Kitab الجهاد , Bab في قتل الاسير بالنبل 3:60-61 dari Sa'id Ibn Mansur.

21. علمني وأوجز

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitab nya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab الزهد , Bab الحكمة 2:1396 dari Muhammad Ibn Zayyād.

22. إذا جامع الرجل امرأة ولم يمن

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim Sharah Nawawi , dalam Kitab الطهارة , Bab بيان أن الغسل يجب بالجماع 3:28-29, dari 'Abd al-Warith Ibn 'Abd al-Samad.

23. إذا أتى أحدكم الغائط فلا يستقبل القبلة

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri dalam kitabnya Sahih Bukhāri, dalam Kitab الطهارة , Bab لا يستقبل القبلة بغائط أو بول إلا عند البناء جدار أو نحوه 1:40, dari Adam .

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab nya Sahih Muslim , dalam Kitab الطهارة , Bab لا يستقبل القبلة

1:224, Bil.h. 264 dari Zuhayr dan Ibn Numayr.

Imam Abū Dawūd juga meriwayatkan ḥadith ini dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd , dalam Kitab الطهارة , Bab كراهية استقبال القبلة عند قضاء الحاجة 1:3 dari Hadad.

Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab الطهارة , Bab النهي عن استقبال القبلة بغائط او بول, 1:8 dari Sa'id Ibn 'Abd al-Rahmān.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Nasāi dalam Kitab الطهارة , Bab الأمر باستقبال المشرق والمغرب عند الحاجة 1:23 dari Muhammad Ibn Mansūr dan Ya'kūb Ibn Ibrāhim.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab الطهارة , Bab النهي عن استقبال القبلة بالغائط والبول 1:115 dari Abu Tahir Ibn al-Sarhi .

24. لا يحل لمسلم أن يهجر أخاه فوق ثلاث

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari , dalam Kitab الأدب Bab الهجرة 3:91 dari 'Abd Allāh Ibn Yusuf dan 'Ali.

Imam Muslim pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya

Sahih Muslim , dalam Kitab البر والصلة والآداب , Bab تحريم الهجر فوق ثلاث بلا عذر شرعي 4:1984 , Bil.H. 2560 dari Yahya Ibn Yahya.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd , dalam Kitab الأدب , Bab فيمن يهجر أخاه المسلم 4:278-279 dari al-Qa'ni.

Imam Tirmidhi pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Tirmidhi ,dalam Kitab الاستئذان والآداب , Bab ما جاء في كراهية الهجر للمسلم 4:327 dari Muhammad Ibn Yahya.

Imam Muwatta' Malik juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Muwatta', dalam Kitab حسن الخلق , Bab ما جاء في المهاجرة 2:906-907 dari Ibn Shihab.

25. الوتر حق على كل مسلم

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd, dalam Kitab الصلاة , Bab كم الوتر 2:62 dari 'Abd al-Rahmān Ibn Mubārak.

Imam Nasāi pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Nasāi dalam Kitab الصلاة , Bab ذكر الاختلاف على الزهري في حديث أبي أيوب في الوتر 3:196-197 dari Abdah Ibn Walid ,'Amru Ibn 'Uthmān, Harith Ibn Miskin dan Rabi' Ibn Sulaymān.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitab nya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab إقامة الصلاة والسنة فيها , Bab ما جاء في الوتر بثلاث وخمس وسبع و 1:376 dari Dahim.

26. كيف كانت الضحايا

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi dalam Kitab الأضاحي , Bab ما جاء أن الشاة الواحدة تجزي عن أهل البيت 3:51 dari Yahya Ibn Musa.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab الأضاحي , Bab من ضحى بشاة عن أهله 2:1051 dari ʿAbd al-Raḥmān Ibn Ibrahim.

Imam Muwaṭṭaʾ Malik juga meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Muwaṭṭaʾ dalam Kitab الضحايا , Bab الشركة في الضحايا وعن كم تذبح البقرة والبدنة 2:486 dari ʿImarah Ibn Sayyād.

27. من صام رمضان وأتبعه بست من شوال

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Ṣahih Muslim dalam Kitab الصيام , Bab استحباب صوم ستة أيام من شوال إتباعا لرمضان 1:822, Bil.H. 1164 dari Yahya Ibn Ayyub, Qutaybah dan Ali Ibn Hajar.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd dalam Kitab الصوم , Bab في صوم الستة أيام من شوال 2:324 dari Nafir.

- - - - - - - -

Imam Tirmidhi pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Tirmidhi dalam Kitab الصوم , Bab ما جاء في صيام الستة أيام من شوال 3:123 dari Ahmad Ibn Muni'.

Imam Ibn Majah meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Ibn Majah dalam Kitab الصيام , Bab صيام الستة أيام من شوال 1:547 dari 'Ali Ibn Muhammad.

28. أربع قبل الظهر تفتح لهن أبواب السماء

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd dalam Kitab الصلاة , Bab الأربع قبل الظهر وبعدها 2:23 dari Muhammad Ibn Muthanna.

Imam Ibn Majah pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Ibn Majah dalam Kitab إقامة الصلاة والسنة فيها , Bab في الأربع الركعات قبل الظهر 1:365-366 dari 'Ali Ibn Muhammad.

29. قدم أبو أيوب غازيا وعقبة تأخير المغرب

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd dalam Kitab الصلاة , Bab في وقت المغرب 2:113-114

dari Qawariri.

30. إن أبا أيوب أتى بطعام فيه ثوم فما أكلها

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dalam kitab الأطعمة.[99]

31. كيلوا طعامكم

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah dalam kitabnya Sunan Ibn Majah dalam Kitab التجارات , Bab ما يرجى في كيل الطعام من البركة 2:751 dari Amru Ibn Uthman.

32. أخبرني بعمل يدخلني الجنة

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari dalam Kitab الزكاة , Bab وجوب الزكاة 1:108-109 dari Hafas Ibn 'Umar dan Abu al-Walid.

Imam Muslim pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sahih Muslim dalam Kitab الإيمان , Bab بيان الإيمان الذي يدخل به الجنة وأن من تمسك بما أمر به دخل الجنة 1:33-34, Bil.H. 13 dari Muhammad Ibn Numayr dan 'Amru Ibn Uthman.

---

[99] Setakat ini penulis belum menemui hadith tersebut kerana tidak terdapat kitab yang dinyatakan.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitab-nya Sunan Nasai dalam Kitab الصلاة , Bab ثواب من أتم الصلاة 1:1[illegible]9 dari Muhammad Ibn Uthman.

33. الأنصار ومزينة وجهينة وأسلم خير من بني كعب

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab فضائل الصحابة , Bab من فضائل غفار وأسلم وجهينة وأشجع ومزينة وتميم ودوس وطيئ 2:1954, Bil.H. 2515 dari Zuhayr Ibn Harb.

Imam Tirmidhi juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Tirmidhi dalam Kitab المناقب , Bab في غفار وأسلم وجهينة ومزينة 5:385 dari Ahmad Ibn Muniʻ.

34. ما من نبي إلا له بطانتان

Imam Nasai telah meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Nasai, dalam Kitab الإمارة , Bab بطانة الإمام 4:141-142, dari Muhammad Ibn ʻAbd ʻAllah Ibn ʻAbd al-Hakam.

35. ستفتح عليكم الأمصار

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dalam kitabnya Sunan Abu Dawud ,dalam Kitab الجهاد , Bab في الجعائل في الغزو 3:16, dari Ibrahim Ibn Musa al-Razi.

36. إني أحب الخيل في الجنة خيل

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tısmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi , dalam Kitab صفة الجنة , Bab ما جاء في صفة خيل أهل الجنة 4:87, dari Muhammad Ibn Ismail.

37. توضأ فخلل لحيته

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah, dalam Kitab الطهارة وسننها , Bab ما جاء في تخليل اللحية 1:149 dari Ismail Ibn ʿAbd Allāh al-Raqi.

38. هذا السلام فما الاستئناس

Imam Ibn Mājah meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab الأدب , Bab الاستئذان 2:1221 dari Abi Bakr Ibn Abi Shibah.

39. أربع من سنن المرسلين

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab النكاح , Bab ما جاء في فضل التزويج والحث عليه 5:91 dari Sufian Ibn Waqiʿ.

40. كنت كتمت عنكم شيئا سمعته لولا أنكم
تذنبوا لخلقت خلقا

Imam Muslim meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya **Sahih Muslim**, dalam Kitab التوبة , Bab سقوط الذنوب بالاستغفار توبة 4:2105-2106, Bil.H. 2748, dari Qutaybah dan Harun Ibn Sa'id.

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya **Sunan Tirmidhi**, dalam Kitab الدعوات , Bab ما جاء في فضل التوبة والاستغفار وما ذكر من رحمة الله لعباده 5:207-208 dari Qutaybah.

41. في الرجل يصلي في منزله الصلاة ثم
يأتي المسجد فيصلي معهم.

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dalam kitabnya **Sunan Abu Dawud**, dalam Kitab الصلاة , Bab فيمن صلى في منزله ثم أدرك الجماعة يصلي معهم 1:158, dari Ahmad Ibn Salih.

Imam Muwatta' Malik juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya **Muwatta'**, dalam Kitab صلاة الجماعة , Bab من صلى في منزله ثم يأتي بالجماعة 1:133, dari 'Afif Ibn 'Amru al-Sahmi.

42. أيعجز أحدكم أن يقرأ في ليلة ثلث القرآن وفيه فضل قل هو الله أحد

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya **Sunan Tirmidhi** dalam Kitab فضائل القرآن , Bab ما جاء في سورة الإخلاص 4:240-241, dari Qutaybah dan Muhammad Ibn Bashar.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadit̲h ini dalam kitabnya <u>Sunan Nasāi</u>, dalam Kitab فضائل القرآن, Bab ما جاء في سورة الاخلاص 2:133, dari Muhammad Ibn Bashar, Abi Bakr Ibn Ali, Zakariya Ibn Yahya dan Ahmād.